

WPI tidak gadai kedaulatan negara – TPM

UM - 30/5/2007

Daripada KHAIRUDDIN MD AMIN

SINGAPURA 29 Mei – Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan kedaulatan negara tidak akan tergadai kepada Singapura menerusi penubuhan jawatankuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) yang disertai oleh menteri kedua-dua buah negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jawatankuasa tersebut tidak mempunyai kuasa eksekutif kerana kuasa terletak di tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Jemaah Menteri Malaysia.

“Mereka (jawatankuasa) tiada kuasa eksekutif tetapi membincangkan langkah yang difikirkan perlu dan wajar untuk mengembangkan WPI secara positif.

“Ini (penubuhan jawatankuasa) tidak bererti serah kedaulatan kita kepada Singapura,” katanya pada sidang akhbar selepas lawatan kerja ke Singapura, di sini hari ini.

Lawatan bertemakan *Malaysia: Penstrukturan Semula dan Kesediaannya* adalah anjuran ECM Libra Avenue Bhd. dan Credit Suisse.

Pada lawatan sehari itu, Najib menemui pengurus-pengurus dana utama dunia dan antara yang menyertai rom-

bongan Timbalan Perdana Menteri itu ialah Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop serta Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd., Datuk Azman Mokhtar.

Menurut Najib, antara langkah yang akan diambil oleh jawatankuasa itu ialah memudahkan perjalanan orang ramai dan perpindahan barangan antara Singapura dan selatan Johor dan kes seperti itu perlu mendapatkan persetujuan kedua-dua pihak terbabit.

“Sebagai contoh, jika kita mahu melaksanakan kad pintar, kita perlukan persetujuan daripada kerajaan Singapura,” jelasnya.

Ketika ditanya mengenai kebimbangan sesetengah pihak sama ada pemimpin Malaysia yang akan datang akan mengamalkan dasar yang konsisten, Najib berkata, beliau telah memberi jaminan kepada para pengurus dana bahawa konsep pembangunan seperti WPI memerlukan dasar yang konsisten menerusi sokongan Perdana Menteri dan para Jemaah Menteri.

“Kami komited untuk berjaya dalam jangka masa panjang dengan mempunyai dasar-dasar yang konsisten serta tidak kehilangan fokus,” katanya.

Menurut Najib, Malaysia yang ma-

hu bersaing di peringkat global perlu memastikan apa yang dilakukannya itu mapan serta tidak berubah-ubah.

Najib juga berkata, pelaburan yang bakal diterima oleh WPI adalah besar setakat ini dan kerajaan akan mengumumkan perkara itu pada suku ketiga.

“Kita telah mendapat pelaburan dan jumlahnya adalah besar,” katanya.

Menurutnya, WPI akan menerima pelaburan yang berkualiti dan antara komitmen awal pelaburan yang diterima adalah dalam bidang pembangunan hartanah, penjagaan kesihatan, pelancongan santai (*leisure tourism*), industri kreatif, perkhidmatan kewangan dan pendidikan.

Katanya, bilangan pelabur yang ingin menanam modal di kawasan pembangunan di selatan Johor itu juga adalah mencukupi dan sekiranya WPI dapat dibangunkan dengan berjaya, lebih banyak syarikat akan melabur di wilayah tersebut.

— Utusan

NAJIB Tun Razak diiringi **Nor Mohamed Yakcop** (kanan) dan **Azman Mokhtar** (dua dari kanan) berbual dengan kumpulan pengurus dana selepas mengadakan mesyuarat di Singapura, semalam.

— Bernama

